Usrah Muslimin (1 Nov 2021)
Kehadiran ahli usrah Muslimin:

1. Haji Hisham
2. Ust Basyir
3. Ust Fadhil
4. Usamah
5. Muhaimin
6. Fathullah

Muqaddimah: Sejarah Usrah

- Usrah telah diamalkan sejak zaman Nabi SAW
- usrah atau dikenali sebagai nuqaba'
- mengambil iktibar kepemimpinan sultan salahuddin ayubi
- sultan salahuddin telah membebaskan palestina dan mesir dari pemerintahan Monarki zalim
- Mutabaah atau disebut Amilin adalah pendukung/pimpinan (12,000) atau istilah mudah frontliner
- sheikh hasan al banna- mati dipenjara dan ditembak 4 das oleh Raja Al Faruq (pengasas mathurat moden)
- jamaah ikhwanul muslimin yg berada di mesir
- usrah yg kuat akan melahirkan pelapis baru dan blh susun program dan mengimarahkan surau
- cara utk suai kenal rakan usrah seperti baling sampah dgn tulis nota dalamnya dan melakukan cara lain dgn senyap2
- sabar dan perjuangan
- ustazah zainab ghazali, Ketua Muslimat di Mesir dipenjara

Bab 4: Konsep Aqidah Islamiyah

- aqidah berasal dari perkataan akad atau dipanggil ikatan
- menjurus dalam kepercayaan yang erat dalam hati
- Sayyidah Hafsah, anak Saidina Umar mengumpulkan ayat quran
- iman perlu diakui melalui hati, lidah dan perbuatan
- kisah seorang lelaki bertanya kepada nabi tentang 3 perkara Islam, iman dan ihsan (akhlak) dan kiamat
- aqidah adalah MOU atau ikatan antara Khaliq dengan makhluk
- liberalisme meletakkan pemikiran logik melebihi ilmu wahyu

Usrah Muslimin (15 Nov 2021)
Bab 4 (konsep aqidah islamiyah) - sambungan

- Menekankan rukun2 iman
- Nafsu merupakan cabaran utama kepada seorang muslim (perosak)
- Kajian akhir 80 an, 80% org Islam tidak bersolat, hj shukor Abdullah.
- "Carilah kebahagiaan utk akhirat , jangan kamu lupa nasib kamu di dunia" (surah Qasas)
- Godaan syaitan cabaran kedua bagi umat Islam
- Buku karangan Bahtera Penyelamat, karangan Ramadhan Al Buti, menyenaraikan cabaran org beriman
- Ilmu sebagai perisai atau benteng Muslim

1. Makrifatullah
- Hanya Allah tempat pengabdian
- Surah Az Zariyat ayat 56, "Tidak kujadikan manusia manusia dan jin melainkan untuk mengabdikan diri kepadaNya"
- Rububiyyah merujuk kepada keimanan dan kepercayaan kepada Allah.
- Beriman kepada sifat Allah Dan nama2 Allah
2. Makrifat Ar Risalah
- Rasul menerima wahyu dan menyampaikan seperti syariat hukum hakam (Dinullah)
- Merangkum hukum Fiqh ibadah dan hukum hakam
- Aqidah, ibadah, munakahah, muamalat (ekonomi), Jinayah (hukum undang2 jenayah)
3. Makrifat al-Gaibiyyat
- Mempercayai perkara Ghaib
- Percaya kepada Kehidupan baharu selepas kematian
- Percaya kepada Malaikat dan jin.
- Konsep pahala dan dosa, surga neraka
4. Makrifat al-Baath
- Mengenali hari kebangkitan

Hal-hal berbangkit

- RUU 355, telah digubal tahun 84.
- Sekarang ini dipinda untuk ditambahbaik
- Tertangguh disebabkan tidak mendapat sokongan majoriti
- "Islam itu mudah dan tidak susahi menyusahkan melainkan kamu yang susahkan", hadis nabi SAW
- Sabtu ,20 hb, hari mengundi PRN Melaka, 28 DUN
-

Usrah Muslimin (22 Nov 2021
Kehadiran:

1. **Muhaimin**
2. **Usamah**
3. **Hj hisham**
4. **Ust Fadhil**
5. **En Junairi**
6. **Ust Bashir**

Peranan akidah dalam kehidupan manusia

- Akidah merupakan fardu air. Muslim wajib berpegang kepada aqidah islamiyah
- Aqidah salimah iaitu selamat di dunia dan akhirat
- 1:1000 yang selamat masuk surga tanpa masuk neraka
- Aqidah islam bersumberkan ketuhanan atau berkonsepkan rabbaniyyah
- Aqidah yang tulen shj yang dapat membentuk manusia yang unggul
- Iman dalam hati, kata Rasulullah SAW
- Tindak tanduk kita adalah cerminan iman
- Kisah seorang laki yang ingin membunuh Saidina Ali. Pada Awalnya lelaki itu meludah ke muka saidina ali dan mencabarnya untuk membunuhnya. Kata Ali, Aku tidak mahu bunuh kerana aku marah.

Peranan Aqidah antaranya:

1. **Pribadi yang unggul**

-mereka dikasihi Allah dan orang sekelilingnya
-Allah berfirman, bekerjalah nanti Allah dan para rasul menyukai kamu dengan niat kerana Allah
-Selepas perang Badar, Umair Bin Wahab Bin Al Jahmi dia sangat marah dgn Rasulullah. Dia berdendam dgn Rasulullah merana anaknya ditawan dan dia ingin membunuh Muhammad. Apa tujuan datang ke mari. Umair berkata nak ziarah anaknya jika dibolehkan. Masuk Islam dan mengucap dua kalimah syahadah setelah melihat Rasulullah mengetahui kisah sebenar yang berlaku dan agenda yang dibuat Umair.
-Orang beriman bertawakal sepenuhnya kepada Allah dengan cara reda dan mengamalkan amalan zikir Ya Bari' (Yang Maha Mengurus dan Mentadbir)
-berhati2 dalam sesuatu perkara (mengikuti kaifiat dan syarat serta sentiasa lengkap dgn strategi dalam sesuatu tugas)
-Merasa gentar kepada Allah daripada melakukan maksiat karena takut pada AZAB Allah SWT

Hal-hal berbangkit:

- Perjuangan Nabi lebih dahsyat berbanding dengan manusia zaman sekarang
- Pribadi Rasulullah sebagai acuan dan ibrah serta ikutan kepada orang Muslim

Usrah Muslimin (22/08/2022)
Kehadiran:

- **Muhaimin**
- **Miir**
- **Muhammad Shaari**
- **Hj hisham**
- **Ust Fadhil**
- **En Junairi**
- **Ust Bashir**

Kandungan Usrah

- Susur Galur parti perjuangan parti bermula dengan Pemuda-pemuda
- Tujuan dan kepentingan usrah
- Usahakan Program pemuda - Tarbiyah
  Program Rehlah di Sg Sendat
  Program Futsal Street atau BBQ Night (Padang SHS)
- Pelancaran jentera pilihan raya - Hjh Zailah (Perasmi)
- PASTI
- Muktamar Pusat (1-4 September 2022) - Kedah
  Transit di Bagan Serai